

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

## Kes harian kekal bawah 20,000

**Putrajaya:** Angka jangkitan kes COVID-19 di negara ini terus menunjukkan penurunan iaitu sejumlah 17,672 kes baharu dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes, 1,572,765 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua negeri mencatatkan pertambahan kes dengan Selangor melaporkan kes bawah 5,000 kes iaitu 4,316 kes.

Katanya, negeri lain yang mencatatkan kes ialah Sabah dengan 2,474 kes, Kedah (1,602), Sarawak (1,538), Pulau Pinang (1,451), Johor (1,367) dan Kelantan (1,176).

"Selain itu, Perak sebanyak 952 kes, Kuala Lumpur (891), Pahang (506), Negeri Sembilan (478), Terengganu (470), Melaka

(363), Perlis (57), Putrajaya (24) dan Labuan (tujuh).

"Pertambahan kes hari ini (semalam) menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 ialah 260,700 kes yang mana 1,040 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 502 kes memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Memperincikan kes COVID-19 yang dikesan semalam, Dr Noor Hisham berkata, 8,231 kes berada dalam kategori satu atau tidak bergejala dan daripada jumlah itu 78.6 peratus tiada atau belum lengkap vaksinasi.

"Selain itu, 9,005 kes dikesan dalam kategori dua iaitu bergejala ringan dan daripada ju-

mlah itu, 83.1 peratus tiada atau belum lengkap vaksin dan sebanyak 190 kes dalam kategori tiga (mempunyai radang paru-paru), 84.7 peratus tiada atau belum lengkap vaksin.

"Sebanyak 108 kes lagi berada dalam kategori empat iaitu memerlukan bantuan oksigen dengan 88.9 peratus tiada atau belum lengkap vaksin serta 138 kes dalam kategori lima iaitu dalam keadaan kritikal dan memerlukan alat bantuan pernafasan. Daripada jumlah kategori lima, 87.7 peratus tiada atau belum lengkap vaksin," katanya.

Mengenai 174 kes kematian yang dilaporkan semalam, Dr Noor Hisham berkata, ia membabitkan 21 kes kematian di luar

fasiliti kesihatan (BID) iaitu 14 kes dalam kalangan warganegara serta tujuh lagi warga asing.

Buat pertama kalinya, kes kematian tertinggi dilaporkan di Johor dengan 53 kes, diikuti Pulau Pinang (28), Sabah (25), Negeri Sembilan (11), masing-masing sembilan kes di Kuala Lumpur, Kedah dan Kelantan, masing-masing tujuh kes di Selangor dan Pahang, Melaka (enam), Perak (empat), serta masing-masing tiga di Sarawak dan Perlis.

Sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 19,053 kes sembuh, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 seramai 1,297,723 kes.

**Terkini COVID-19 19,053** Pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam **17,672** Kes baharu disahkan, semalam **14,324** Jumlah kematian dicatat **1,572,765** Jumlah kes disahkan positif **260,700** kes yang masih dirawat

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : COVID-19

## 17,672 kes baharu, 174 kematian

**Kuala Lumpur:** Penularan jangkitan Covid-19 dalam negara mencatatkan penurunan apabila sebanyak 17,672 kes direkodkan, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif 1,572,765 kes direkodkan, setakat ini.

Beliau berkata, daripada keseluruhan kes itu, penu-

laran tempatan adalah sebanyak 17,664 kes membatikan 15,299 warganegara dan 2,365 kes bukan warganegara.

Menurutnya, manakala baki lapan kes lagi adalah kes import iaitu satu warganegara dan tujuh dalam kalangan warga asing.

"Sebanyak 436 kes (2.5 peratus) membatikan jangkitan kategori tiga hingga lima, manakala 17,236 kes

## 96% BOLEH CEGAH VIRUS

**Dr Noor Hisham amat menyarankan penggunaan pelindung muka dan dua lapisan pelitup muka**

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi  
mhafis@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Penggunaan pelindung muka dan dua lapisan pelitup muka boleh memberi 96 peratus perlindungan daripada jangkitan Covid-19 varian Delta.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia harus dimasukkan sebagai strategi keselamatan untuk mengurangkan penularan Covid-19 dalam kalangan masyarakat.

"Penggunaan pelindung muka dan dua lapisan pelitup muka boleh memberi 96 peratus perlindungan daripada jangkitan Covid-19 varian Delta," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Terdahulu, media melaporkan kajian baharu mengenai virus Covid-19 varian Delta mendapati ia boleh membiak di dalam hidung individu yang sudah mendapat suntikan vaksin.



*"Virus yang membiak itu sama penularannya kepada orang yang tidak divaksinasi. Ini bermaksud individu yang sudah divaksin tetap dapat menyebarkan virus berkenaan serta menjangkiti orang lain"*

**Dr Noor Hisham Abdullah**

Dr Noor Hisham dipetik berkata, kajian awal terhadap satu kes jangkitan mendapati varian Delta tumbuh di hidung orang yang sudah divaksinasi seolah-olah individu berkenaan belum mendapatkan vaksin.

"Virus yang membiak itu sama penularannya kepada orang yang tidak divaksinasi. Ini bermaksud individu yang sudah divaksin tetap dapat menyebarkan virus berkenaan serta menjangkiti orang lain," katanya.



## Kantoi daftar vaksin guna identiti individu lain

**Melaka:** Empat individu termasuk tiga warga asing ditahan selepas dipercayai menggunakan identiti individu lain bagi pendaftaran vaksin Covid-19 melalui aplikasi MySejahtera.

Semua mereka ditahan dalam dua serbuan berasingan antara jam 2.30 petang hingga 7.30 petang Rabu lalu, oleh sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri.

Ketua JSJK negeri Superintendan E Sundra Rajan berkata, tangkapan pertama dibuat di sebuah klinik di Bandar Hilir di sini, membatikan wanita warga asing yang didakwa pergi ke premis



*"Susulan itu polis kemudian membuat tangkapan kedua di sebuah rumah dan menahan tiga lagi suspek lelaki termasuk seorang warga tempatan"*

**E Sundra Rajan**

itu bagi mendapatkan suntikan vaksin dos kedua.

Beliau berkata, siasatan dan semakan terhadap MySejahtera digunakan suspek berusia 30 tahun itu mendapati maklumat didaftarkan di aplikasi berkenaan adalah milik individu lain.

"Hasil tangkapan itu, polis merampas satu kad vaksinasi atas namanya. Turut dirampas pas Jabatan Imigresen Malaysia dipercayai

**Kota Bharu:** Kelantan mencatatkan sehingga lapan kematian sehari akibat Covid-19 dalam tempoh sebulan susulan kemunculan varian Delta dalam komuniti.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan Datuk Dr Zaini Hussin berkata, jumlah kematian meningkat berkemungkinan disebabkan aktiviti kunjung mengunjung ketika sambutan Aidiladha lalu.

Katanya, sebelum itu, kadar kematian yang dicatatkan adalah antara dua hingga tiga kematian sehari dan kini ia meningkat sehingga sekali ganda.

"Saya menjangkakan kes harian Covid-19 di Kelantan akan reda apabila imuniti kelompok sudah mencapai 80 peratus dan sekiranya tidak

## Varian Delta dominan di Kelantan

ada varian baharu.

"Sekarang kita mengesan 28 varian daripada sampel yang dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) namun mengikut kepada trend yang kita ada, perebakan yang banyak adalah daripada varian Delta yang dominan di Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Majlis

Sidang Media Laporan Khas Terimanan dan Perbelanjaan

Majlis Agama Islam Kelantan (Maik) Bagi Januari hingga Jun 2021 yang disempurnakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) yang juga Tengku Temenggong Kelantan, Tengku Tan Sri Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz di Dewan Serbaguna



Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra Panji di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Yang Dipertua Maik, Zulkifli Ab Rahman dan Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad.

Dr Zaini berkata, kes harian Covid-19 di Kelantan meningkat selepas Aidiladha dan kini mencatat empat angkat selain kadar kebolehhajkitan (Rt) juga melebihi 1.0 dalam tempoh dua minggu.

"Peningkatan kes di Kelantan adalah disebabkan beberapa faktor termasuk virus sudah ada dalam komuniti yang menyebabkan wujudnya sporadik dan kluster di negeri ini.

"Jadi masyarakat perlu kekal cakna dari segi pema-

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

## KKM sokong tambahan enam juta dos vaksin

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyambut baik pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk menambah pembelian enam juta dos vaksin bagi mempertingkatkan liputan vaksinasi di negara ini.

Ketua Setiausahaanya Datuk Mohd Shafiq Abdullah berkata, penambahan pembelian vaksin itu membuktikan komitmen dan keprihatinan Perdana Menteri dalam memastikan kerajaan mencari jalan keluar dalam melawan pandemik Covid-19.

“Seperti mana yang diumumkan kelmarin, program vaksinasi memberi kesan signifikan kepada penurunan kes harian Covid-19 di Wilayah Persekutuan Labuan.

“Dari segi pecahan keseluruhan pula, sehingga hari ini (semalam) sejumlah 54.3 peratus individu dewasa sudah lengkap divaksinasi dengan dua dos vaksin.

“Dengan itu, tambahan enam juta dos vaksin ini akan memperluaskan lagi liputan program vaksinasi sedia ada kepada segenap lapisan masyarakat Malaysia,” katanya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

## Lapan kematian sehari akibat varian Delta di Kelantan

Oleh ROSALWANI CHE SOH

KOTA BHARU – Kelantan mencatatkan sehingga lapan kematian sehari ekoran penularan varian Delta yang mula dikesan di negeri ini sejak sebulan lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan sekali ganda berbanding dua atau tiga kes kematian sehari sebelum ini.

"Kita dapati berlaku peningkatan kes kerana berlaku aktiviti kunjung-mengunjung selepas Hari Raya Aidiladha bulan lalu.

"Selagi tiada kemasukan varian baharu, kes Covid-19 di Kelantan akan reda jika lebih ramai individu melengkapkan dos vaksin bagi membantu mencapai imuniti kelompok sebanyak 80 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada sidang akhbar selepas majlis Laporan Khas Terimaan dan Perbelanjaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) Bagi Bulan Januari hingga Jun 2021 di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji,



TENGGU MOHAMAD RIZAM (tengah) menyampaikan sumbangan bagi pihak Maik kepada Dr. Zaini (kanan) untuk kegunaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Kompleks Islam Jubli Perak, Kota Bharu semalam.

di sini semalam.

Terdahulu, majlis tersebut disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) yang juga Tengku Temenggong Kelantan, Tengku Tan Sri Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz.

Mengulas lanjut, Zaini berkata, JKNK kini mengambil perhatian sepenuhnya mengenai

jangkitan varian baharu di luar negara selain varian Beta dan Delta yang sudah berada dalam komuniti ketika ini.

Dalam perkembangan lain, menurutnya kapasiti penerima vaksin di Pusat Pemberian Vaksin awam termasuk bagi Program Outreach Vaksinasi Covid-19 dan klinik swasta sudah mencecah sehingga 33,000 individu sehari.

## Kes harian tunjuk penurunan

PUTRAJAYA – Kes harian negara menunjukkan penurunan ketara selepas mencatatkan 17,672 kes semalam, menjadikan jumlah kes positif dalam negara sebanyak 1,572,765.

Kali terakhir negara mencatatkan kes mencecah angka 17,000 ialah pada 9 Ogos lalu iaitu sebanyak 17,236.

Di Lembah Klang, Selangor turut merekodkan penurunan dengan 4,316 kes dilaporkan berbanding kelmarin 5,379 kes.

Manakala, Kuala Lumpur mencatatkan kes tiga angka dua hari berturut-turut iaitu 891 kes berbanding semalam 999 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, selain itu Sabah melaporkan kes sebanyak 2,474 kes, Kedah (1,602 kes) dan Sarawak (1,538 kes).

"Ini diikuti Pulau Pinang (1,451 kes), Johor (1,367 kes), Kelantan (1,176 kes), Perak (952 kes), Kuala Lumpur (891 kes), Pahang (506 kes), Negeri Sembilan (478 kes), Terengganu (470 kes) dan Melaka (363 kes).

"Perlis (57 kes), Putrajaya (24 kes) dan Labuan (tujuh kes)," katanya dalam kenyataan di Facebook semalam.

Sementara itu, kes sembuh semalam mencatatkan jumlah melebihi penularan harian apabila 19,053 pesakit dilaporkan pulih.

### COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	17,672
Import:	8
Tempatan:	17,664
Pulih	19,053
Kematian	174
Masih dirawat	260,700
Jumlah kes sembuh	1,297,723
Jumlah Kematian	14,342
Jumlah kes keseluruhan	1,572,765

Seramai 174 pesakit pula dilaporkan meninggal dunia menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian sebanyak 14,342.

Sebanyak 21 kes dilaporkan meninggal di luar hospital atau brought-in-dead dengan 1,040 pesakit dirawat di Wad Rawatan Rapi (ICU) dan 502 kes memerlukan bantuan alat pernafasan.

Dalam perkembangan berbeza, sebanyak 55.6 peratus atau 13,022,246 populasi dewasa di negara ini telah lengkap dua dos suntikan vaksin Covid-19 setakat kelmarin.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# 17,672 kes baharu, 174 kematian

Kes positif Covid-19 di Malaysia konsisten catat penurunan sejak Sabtu lalu

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kes harian positif Covid-19 terus menunjukkan penurunan dengan 17,672 kes dilaporkan pada Isnin.

Penurunan angka kes positif Covid-19 di bawah 20,000 direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak Sabtu lalu.

Selangor melaporkan 4,316 kes, diikuti Sabah (2,474), Kedah (1,602), Sarawak (1,538), Pulau Pinang (1,451), Johor (1,367) dan Kelantan (1,176).

Perak (952), Pahang (506), Negeri Sembilan (478), Terengganu (470), Perlis (57),

Putrajaya (24) dan Labuan (tujuh).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah harian itu, 436 kes adalah kategori tiga hingga lima.

"Sebanyak 17,236 lagi adalah kategori satu dan dua," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, secara keseluruhan, 14,337 kes daripada jumlah yang dilaporkan tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

Beliau berkata, peningkatan jumlah itu menjadikan keseluruhan kes positif Covid-19 di negara ini adalah 1,572,765 kes.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 1,040 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Daripada jumlah itu, seramai 502 pesakit memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Menurutnya, terdapat 174 kes kematian dicatatkan membabitkan 158 rakyat tempatan dan 16 warga asing.

Ujarnya, terdapat 21 kes BID yang mana melibatkan 14 rakyat



DR NOOR HISHAM

Malaysia dan tujuh warga asing.

"Jumlah keseluruhan kes kematian di negara ini adalah 14,342," katanya.

Tambahnya, sebanyak 19,053 kes sembuh turut dilaporkan sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh adalah 1,297,723 kes.

Mengulas mengenai kluster, Dr Noor Hisham berkata, terdapat 30 kluster baharu dikenal pasti menjadikan jumlah keseluruhannya, 4,472.

"Ia terdiri daripada 18 kluster tempat kerja, 10 kluster komuniti dan dua kumpulan berisiko tinggi.

"Sebanyak 3,033 kluster telah tamat manakala 1,439 masih aktif," katanya.


Dalam pada itu, beliau turut menyarankan orang ramai menggunakan alat pelindung muka (face shield) bersama pelitup muka berganda (double mask) ketika berada di tempat awam.

"Penggunaan alat pelindung muka bersama pelitup muka berganda mampu memberi perlindungan sehingga 96 peratus daripada dijangkiti varian Delta yang kini dominan dalam negara," katanya.

**MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?**

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

### KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



- Kategori 1** Tanpa gejala
- Kategori 2** Gejala ringan
- Kategori 3** Jangkitan paru-paru
- Kategori 4** Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
- Kategori 5** Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia



### Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 23 Ogos 2021

### JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
1,572,765	1,297,723	1,040	14,342	17,672	31,281,193

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : SINAR NEGERI

## Jenazah pesakit Covid-19 di KL semakin berkurangan

**KUALA LUMPUR** - Jumlah jenazah pesakit Covid-19 di beberapa hospital utama di Kuala Lumpur menunjukkan penurunan.

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) menerusi laman Facebooknya pada Isnin berkongsi perkembangan positif itu.

"Alhamdulillah, suasana di jabatan forensik di hospital-hospital utama di Kuala Lumpur semakin bertambah baik dengan berkurangnya jumlah jenazah Covid-19.

"Walaupun begitu, bukan bermakna kita sudah boleh kembali seperti sedia kala," katanya.

Menurut perkongsian itu, pihaknya meluahkan kelegaan dengan situasi tersebut namun sentiasa bersedia menghadapi

sebarang kemungkinan.

"Begitu juga dengan barisan petugas khas pengurus jenazah Covid-19, suasana tidak kelam kabut ini sedikit melegakan hati kami, tapi masih sentiasa bersiap siaga.

"Apa pun yang terjadi, terima kasih semua kerana anda membantu petugas barisan hadapan dalam mendepani tugas-tugas mencabar ini. Doa anda kami pohon agar kami terus kuat," katanya.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan kemasukan ke hospital dan penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) akibat jangkitan Covid-19 di Lembah Klang kian berkurangan susulan program vaksinasi mencapai tahap 60 peratus.



Pengurusan jenazah di hospital sekitar Kuala Lumpur semakin berkurangan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

81pc HAD NO OR INCOMPLETE VACCINATION

## D-G: 2.5pc SEVERE COVID-19 CASES

Dr Noor Hisham urges prompt vaccination to reduce risk of serious illness

TEH ATHIRA YUSOF  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**P**ATIENTS with severe or critical Covid-19 symptoms made up 2.5 per cent of the 17,672 cases reported yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham said these patients were in Category 3, 4 and 5.

"A total of 17,236 cases (97.5 per cent) are in Category 1 and 2 with minimal or no symptoms at all."

There are 138 patients in Category 5, 108 in Category 4 and 190 in Category 3.

"This is based on the patients' clinical condition when diagnosed with Covid-19.

"There are chances for a patient's condition to deteriorate or improve."

Dr Noor Hisham said 81.13 per cent or 14,337 of the Covid-19 cases recorded yesterday had yet to complete or receive their Covid-19 vaccination.

He advised the public to get

their inoculation promptly to reduce the risk of serious illness if infected.

"It is hoped that this will reduce the number of infections in the country, especially cases in Category 3 to 5."

There are 17 people who have been fully vaccinated for more than two weeks that come under Category 5, 12 in Category 4 and 29 fully inoculated persons in Category 3.

Selangor recorded 4,316 cases, a decline after more than a month of recording more than 5,000 infections.

Of yesterday's total infections, 17,664 were local transmissions with 15,299 infections involving Malaysians and 2,365 foreigners.

There were eight imported cases involving one local and seven foreigners.

Dr Noor Hisham also reported that 19,053 people recovered from the virus yesterday, bringing the total to 1,297,723. As of yesterday, 260,700 people are still ill or are being isolated for Covid-19.



A man taking a selfie as he is vaccinated under the transport and logistics sector in George Town, Penang yesterday. PIC BY MIKAIL ONG

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NATION

# Country sees more recoveries than new cases

## Covid-19 numbers take a slight dip across the board

**PUTRAJAYA:** The number of Covid-19 recoveries outnumbered new cases for the first time in nearly two months, with 19,053 people allowed to be discharged yesterday.

The last time this happened was on June 25 when there were 5,812 new cases and 6,775 recoveries.

Yesterday's figures saw the country's active cases going down slightly to 260,700 from 262,255 the previous day.

The daily Covid-19 cases also dipped below the 18,000-mark for the first time since Aug 9 with 17,672 new infections.

Cases in the Klang Valley have shown a reduction with Selangor having 4,316 infections and Kuala Lumpur recording 891 while Sabah had 2,474 cases.

In his daily Covid-19 statement, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 97.5% of the latest infections were either mild or asymptomatic cases.

The remaining 2.5% (436 cases) are those in Categories 3, 4 and 5 that require hospitalisation.

Dr Noor Hisham said 81.13% or 14,337 of

**"If the virus is constantly mutating, then it is difficult to achieve herd immunity."**

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

the new cases involved those who were either not vaccinated or not fully immunised.

Cumulatively, Malaysia has had 1,572,765 Covid-19 cases since the pandemic began.

In terms of the weekly average, Selangor has the highest with 6,180 cases, followed by Sabah (2,489 cases) and Kedah (1,838).

Labuan has the lowest weekly average at five cases.

The country's average rate of Covid-19

cases in the past seven days is 61.12 per 100,000 population.

The national infectivity rate stood at 1.03 as at Aug 22. Sarawak had the country's highest at 1.29, followed by Perlis (1.24) and Sabah (1.21).

The Health Ministry also detected 30 new Covid-19 clusters across the country. Of this, 18 involved workplace clusters with 792 confirmed cases.

There are 10 clusters linked to community outbreaks with 175 cases.

Dr Noor Hisham said the emergence of the highly infectious Delta variant might make it harder to reach herd immunity.

"If the Covid-19 virus is constantly mutating, then it is difficult to achieve herd immunity."

"If the infectivity level continues to rise, the vaccination threshold will need to be revised to over 90% of the adult population," he said in an exchange with a Twitter user.

To date, 78% of the Malaysian adult population have received at least one dose while 55.6% are fully vaccinated.

## Private hospitals to focus outside Klang Valley

By **RAHIMY RAHIM**  
rahimyr@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Private hospitals will no longer serve as vaccination centres (PPV) or participate in mega PPV by the end of this month following the latest directive from the Covid-19 Immunisation Task Force (CITF), says the Association of Private Hospitals Malaysia (APHM).

Its president Datuk Dr Kuljit Singh said that private hospitals will now focus outside Klang Valley, both in terms of enhancing vaccination and decanting patients into private hospitals.

"We in private hospitals will abide with all policies and directions given by the government in the process of vaccination and managing this pandemic."

"At any time, we would give our support as requested by the government and will not question or dispute the arrangements made by all government stakeholders," he said.

On Sunday, CITF said that the involvement of private general practitioners (GPs) in administering Covid-19 vaccines is based on current needs to ensure continuity of the National Covid-19 Immunisation Programme.

CITF explained that the operation to boost vaccination capacity that sought to control the Covid-19 outbreak in relevant areas was carried out from July 26 to Aug 1, which had led to its decision to reduce the number of PPVs in the Klang Valley, including the participation of private GPs.

According to Dr Kuljit, private hospitals had successfully accepted close to 2,000 decanted patients in the Greater Klang Valley region.

"APHM wishes to express our sincere gratitude to the Health Ministry with the organisation done by ProtectHealth Sdn Bhd and the Science, Innovative and Technology Ministry for this opportunity to dispense close to 1.5 million complete doses to citizens

and non-citizens of Malaysia," he said.

Dr Kuljit said selected private hospitals would conduct private vaccinations for those who require them based on their request, and will also be prepared to administer booster shots if necessary in the future.

"Our plea is to have a wider range of vaccine types made available to paying patients, which would further strengthen herd immunity."

"This will decrease the hesitancy when the public is given a choice (on) the type of vaccine."

"APHM will continue to work closely with all the new Cabinet ministers in fighting this pandemic as soon as possible."

"The importance of getting the economy back to its feet will be significant to the business of private hospitals."

"In view of this, collaborative efforts between private hospitals and public health-care will be continuously strengthened with the new national leadership," he said.

**New cases by category for Aug 23**

**TOTAL CASES 17,672**

### Category 1

Asymptomatic (no symptoms)

**8,231 cases - 46.6%**

### Category 2

Mild symptoms

**9,005 cases - 51.0%**

### Category 3

Pneumonia (inflammation of the lungs)

**190 cases - 1.0%**

### Category 4

Pneumonia and require oxygen

**108 cases - 0.6%**

### Category 5

Pneumonia and need ventilator support

**138 cases - 0.8%**

Source: Health Ministry *TheStar* graphics

**More than 13 million fully vaccinated**

**KUALA LUMPUR:** Some 55.6% of the country's adult population, or 13,022,246 individuals, have completed both doses of the Covid-19 vaccination as of Sunday.

An infographic shared on the Covid-19 Vaccine Supply Access Guarantee Special Committee's official Twitter account also showed that 18,258,947 individuals had received the first dose.

The cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme is now 31,281,193.

On daily vaccinations, 441,100 doses were dispensed on Sunday, with 303,545 being the first dose.